

## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERTHORMAT  
DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

***SEMPENA***

**MAJLIS PELANCARAN  
RT4ALL : RUKUN TETANGGA TONGGAK  
PERPADUAN KOMUNITI  
9 MAC 2021 (SELASA), 10.00 PAGI**

### **PENGISIAN :**

- 1. PELANCARAN LOGO DAN VEST SKIM RONDAAN SUKARELA (SRS);**
- 2. PELANCARAN BUKU PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KRT;**
- 3. PELANCARAN LAGU KRT; DAN**
- 4. PENYAMPAIAN TROFI ANUGERAH KRT (8 JOHAN).**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera Dan Salam Perpaduan

**Yang Berhormat Dato 'Sri Ti Lian Ker**

Timbalan Menteri Perpaduan Negara

**Ybhg. Datuk Wan Suraya Binti Wan Md Radzi**

Ketua Setiausaha

Kementerian Perpaduan Negara

**Ybhg. Dato 'Indera Noridah Binti Abdul Rahim**

Timbalan Ketua Setiausaha

Kementerian Perpaduan Negara

**Ybrs. Tuan Haji Abd Halim Bin Hassan**

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (Jpnin)

**Ybrs. Tuan Magalingam Maniam**

Ketua Pengarah

Unit Transformasi Masyarakat India (Mitra)

Pengarah-Pengarah Perpaduan Negeri

Warga Kerja Kementerian Perpaduan Negara

Barisan Kepimpinan Rukun Tetangga

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian.

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, Marilah Kita Bersama-Sama Memanjatkan Setinggi-Tinggi Rasa Kesyukuran Ke Hadrat Allah Swt Kerana Dengan Limpah Dan Izinnya Jua Dapat Kita Berhimpun Dalam Majlis Pelancaran Rt4all: Rukun Tetangga Tonggak Perpaduan Komuniti Pada Pagi Ini.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

2. Rukun Tetangga Diwujudkan 46 Tahun, Pada 1975 Dan Kini Telah Bertapak Teguh Dalam Masyarakat. Terkini, Terdapat Sebanyak **8,274 Kawasan Rukun Tetangga** Di Seluruh Negara Dengan Jumlah **Keahlian Seramai 248,220 Orang**. Jumlah Yang Tinggi Ini Adalah Petunjuk Dan Bukti Bahawa Kesedaran Dan Penerimaan Rakyat Dan Masyarakat Terhadap Peri Pentingnya Peranan Rukun Tetangga.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

### **PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA DAN EMPAT AGENDA KERJA KRT (KRT4ALL)**

3. Bagi Memastikan Peranan Rukun Tetangga Terus Relevan, **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Dan Empat Agenda Kerja Baharu Krt (Krt4all)** Telah Dilancarkan Pada 28 Februari 2021 Oleh Yab Perdana Menteri, Tan Sri Dato 'Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd Yassin.
4. Pelan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Ini Menggariskan Usaha Ke Arah Memperkasa Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga Untuk Memberi Khidmat Yang Lebih Berkesan Kepada Rakyat Di Peringkat Akar Umbi.
5. Inisiatif Pemerkasaan Ini Selari Dengan Dasar Perpaduan Negara Dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 Yang Telah Dilancarkan Oleh Yab Perdana Menteri Pada 15 Februari 2021 Baru-Baru Ini.
6. Pelan Pemerkasaan Ini Merangkumi Pengenalan Modul Gerak Kerja Komuniti Rukun Tetangga Yang Lebih Komprehensif Dan Inklusif Melibatkan Kerjasama Strategik Kpn Dengan Pelbagai Agensi Awam, Badan Bukan Kerajaan (Ngo) Dan Swasta.

## IMEJ RUKUN TETANGGA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

7. Bagi Meningkatkan **Imej Rukun Tetangga**, Lagu Rukun Tetangga Telah Digubah Semula Dan Diberi Nafas Baharu Oleh Kementerian. **Lagu Baharu Ini Lebih Segar Dengan Melodi Yang Membangkit Semangat Seiring Dengan Citarasa Muzik Masa Kini.**
8. **Selain Itu, Kementerian Turut Menjenamakan Semula Logo Dan Memperkenalkan Vest Baharu Bagi Skim Rondaan Sukarelawan (Srs) Yang Kini Berjumlah 5,333 Di Seluruh Negara). Buat Pertama Kalinya Srs Mempunyai Vest Dengan Logonya Sendiri.**
9. Dengan Imej Baharu Ini, Diharap Dapat Memberikan Wajah Yang Mudah Dikenal Orang Ramai Disamping Menaikkan Lagi Semangat Kesukarelawanan Serta Menarik Minat Masyarakat Terutamanya Golongan Muda Supaya Melibatkan Diri Dengan Aktiviti Rukun Tetangga.

## MEMPERKASA PENTADIRAN DAN PENGURUSAN KRT

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

10. Peranan Krt Akan Terus Kita Perkukuh Dan Perteingkatkan. Bagi Mencapai Matlamat Tersebut, Kementerian Telah Menyediakan **Buku Pentadiran Dan Pengurusan Krt** Untuk Dijadikan Sebagai Garis Panduan Pengurusan Rukun Tetangga Ke Arah Meningkatkan Kecekapan Dan Keberkesanan Tadbir Urus Rukun Tetangga.
11. Buku Ini Menekankan Aspek Pengurusan Dan Pentadbiran Dan Jentera Keseluruhan Rukun Tetangga Dengan Mengambil Kira Keperluan Semasa Terutamanya Dalam Konteks Meremajakan Rukun Tetangga Serta Meningkatkan Kualiti Perkhidmatan Krt Kepada Komuniti.
12. Selain Itu, Kementerian Juga Memperkenalkan Kaedah **Penilaian Star Rating Krt** Bertujuan Untuk Memantau, Menilai Dan Meningkatkan Kualiti Pengurusan Krt Di Samping Menggalakkan Penyertaan Komuniti Dalam Aktiviti Kesukarelawanan.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

### **ANUGERAH PERDANA RUKUN TETANGGA 2021**

13. Saya Ingin Mengambil Kesempatan Ini Untuk Sekali Lagi Mengucapkan Sekalung Tahniah Kepada Semua Pemenang Anugerah Perdana Rukun Tetangga 2021 Yang Telah Diadakan Pada 28 Februari Yang Lalu.
14. Semoga Kemenangan Tuan/Puan Akan Menjadi Penyuntik Semangat Kepada Jentera Krt Di Seluruh Negara Untuk Terus Menyampaikan Perkhidmatan Yang Cemerlang Kepada Komuniti Masing-Masing Dan Menjadi *Benchmark* Atau Penanda Aras Kepada Anggota Rukun Tetangga Yang Lain.

### **PENUTUP**

15. Sebagai Mengakhiri Ucapan Ini, Saya Ingin Merakamkan Penghargaan Kepada Seluruh Jentera Krt Atas Segala Usaha Berterusan Dan Komitmen Yang Ditunjukkan Dalam Menggerakkan Agenda Perpaduan Negara. Semoga Dengan Penghasilan Buku Pentadiran Dan Pengurusan Krt Serta Suntikan Baharu Lagu Krt, **Logo Dan Vest Baharu Srs** Akan Mengangkat Tinggi Semangat Untuk Terus Cemerlang.
16. Dengan Lafaz Bismilahirrahmanirrahim, Saya Dengan Sukacitanya Melancarkan Buku Pentadiran Dan Pengurusan Krt, Lagu Krt **Serta Logo Dan Vest Baharu Srs.**
17. Sekian Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.